




MANUAL KHUTBAH JUMAAT

TAJUK :

SABAR SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"SABAR SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ : وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا
صَطَّ^١

2

بِإِيمَانٍ يُوقِنُونَ ٢٤

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاَيَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.
فَازَ الْمُتَّقُونَ.^٤

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ١٥

5

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

5

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "
SABAR SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN".⁶

6



sabar dengan pelbagai sifat yang dinisbahkan dengan kebaikan dan kedudukan yang tinggi. Anugerah kebaikan dan kedudukan yang tinggi ini adalah bertitik tolak daripada keyakinan dengan keterangan ayat-ayat Allah SWT, sebagaimana dijelaskan di dalam surah al-Sajdah, ayat ke 24 yang dibacakan pada permulaan khutbah sebentar tadi yang bermaksud :

7

"Dan Kami jadikan dalam kalangan mereka beberapa pemimpin yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami."

Sesungguhnya nilai kebaikan sifat sabar ini telah diterjemahkan oleh Allah SWT dengan pemberian pahala yang berlipat kali ganda.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas ayat 54:

8

أُولَئِكَ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُم مَرَّتَيْنِ بِمَا صَبَرُوا وَيَدْرَءُونَ بِالْحُسْنَةِ
السَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ
٥٤

"Mereka itu akan memperolehi pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka dan juga kerana mereka menolak kejahatan dengan kebaikan dan mereka juga menderma daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka".

9



Dalam hadis yang lain, Ibn Abbas Radhiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

أَنَّ فِي الصَّابِرِ عَلَىٰ مَا تَكْرَهُ خَيْرًا كَثِيرًا

10

"Sesungguhnya sabar terhadap apa yang kamu tidak suka itu akan didapati banyak kebaikannya."

(Hadis riwayat al-Tirmizi).

Sifat sabar boleh ditakrifkan sebagai keadaan mental yang teguh yang menyokong pegangan agama seseorang ketika berdepan dengan kebangkitan hawa nafsu. Sifat ini kita akan perolehi dan mencapainya sebagai satu natijah atau kesan keyakinan hati terhadap Allah SWT dan rasul-Nya.

11

Hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِامْرَأَةٍ تَبْكِي عِنْدَ قَبْرٍ، فَقَالَ: أَتَقِيَ اللَّهَ وَاصْبِرِي قَالَتْ: إِلَيْكَ عَنِّي، فَإِنَّكَ لَمْ تُصَبِّ بِمُصِيبَتِي، وَلَمْ تَعْرِفْهُ، فَقِيلَ لَهَا: إِنَّهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَتَتْ بَابَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمْ تَجِدْ عِنْدَهُ بَوَابَيْنَ، فَقَالَتْ: لَمْ أَعْرِفْكَ، فَقَالَ: إِنَّمَا الصَّابَرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَى.

12



"Rasulullah SAW pernah melewati seorang wanita yang sedang menangis di sebuah kubur. Lalu Baginda bersabda, "Bertakwalah pada Allah dan bersabarlah." Kemudian wanita itu berkata, "Jauhlah dariku. Sesungguhnya engkau belum pernah merasakan musibahku dan belum mengetahuinya." Kemudian ada yang mengatakan pada wanita itu bahawa orang yang berkata tadi adalah Rasulullah SAW. Kemudian wanita tersebut mendatangi pintu (rumah) Rasulullah SAW. Kemudian dia tidak mendapati seseorang yang menghalangi dia masuk pada rumah Rasulullah SAW. Kemudian wanita ini berkata, "Aku belum mengenalmu." Lalu Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya sabar adalah ketika di awal musibah."

(Riwayat al-Bukhari).

13

Setiap hamba yang beriman dengan Allah SWT dan hari akhirat hendaklah mempunyai sifat sabar. Tidak dapat dinafikan betapa sifat sabar mempunyai pengaruh yang amat besar sehingga dianggap sebagai raja kepada semua perkara dan keadaan. Justeru, kita yang beriman kepada Allah SWT mestilah memiliki sifat yang agung ini selagi mana kita masih menjalani kehidupan di dunia ini. Dengan memiliki sifat sabar bermakna kita telah menghiasi diri dengan akhlak yang mulia. Justeru dengan sifat sabar dan taat kita akan memperolehi banyak kelebihan, termasuklah pertolongan-pertolongan daripada Allah SWT yang tidak terbatas.

14

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 153:

15

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَسْتَعِينُو بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾



"Wahai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan suatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) solat, kerana sesungguhnya Allah bersama (menolong) orang-orang yang sabar."

16

Para ulama dalam membahaskan sifat sabar telah memperincikannya kepada empat jenis.

Pertama, bersabar dalam menunaikan ketaatan kepada Allah SWT, iaitu secara tersiratnya menunaikan ketaatan tersebut dengan penuh keikhlasan. Sementara dari segi zahir pula ia dilakukan dengan sempurna dan menepati sebagaimana yang disyariatkan. Maka, sesiapa yang mampu bersabar dalam menunaikan ketaatan, nescaya akan merasai kemanisan iman dan memperolehi ganjaran pahala daripada Allah SWT.

17

Kedua, bersabar untuk mengekang daripada melakukan maksiat kepada Allah SWT. Dari segi zahir, kita berusaha sedaya upaya menjauhi perkara-perkara mungkar. Sementara dari segi batin pula mengelak daripada berbicara atau memikirkan sesuatu yang mendorong untuk melakukan perkara mungkar tersebut.

18

Ketiga, sabar dengan erti kata muhasabah diri terhadap dosa-dosa yang telah lepas. Justeru ia akan dapat menimbulkan rasa gerun dan menyesal atas apa yang pernah dilakukan. Kesannya, ia akan membuka satu ruang untuk terus bertaubat.

19



Keempat, bersabar menahan kemarahan dan kegelisahan serta tidak mengeluh atas perkara-perkara yang tidak disenangi atau tidak digemari.

20

Sifat sabar sebenarnya merupakan salah satu sifat yang akan menyempurnakan diri seseorang manusia. Ini kerana sikap suka mengeluh menggambarkan betapa seseorang itu tidak reda dengan apa yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Walhal setiap perkara, sama ada baik atau buruk adalah ditentukan oleh Allah SWT dan hanya Dia sahaja yang maha mengetahui apa yang baik untuk hamba-Nya.

21

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 216:

وَعَسَىٰ أَن تَكُرُّهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوْا شَيْئًا
وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

22

"Dan boleh jadi kamu benci akan sesuatu, walhal ia adalah baik untuk kamu dan boleh jadi juga kamu suka akan sesuatu, walhal ia buruk buat kamu. Dan (ingatlah) Allah jualah yang mengetahui (semua itu), sedangkan kamu tidak mengetahuinya".

23

Dalam menjalani kehidupan seharian, kita akan melalui dua cabaran yang berbeza. Pertama, cabaran dalam menempuh situasi atau perkara-perkara yang seiring dengan keinginan hawa nafsu. Kedua, situasi atau perkara-perkara yang bertentangan dengan keinginan hawa nafsu. Bagi menghadapi kedua-dua cabaran yang berbeza ini, ia memerlukan kepada tahap kesabaran yang tinggi.

24



Situasi pertama, iaitu apabila kita menikmati perkara-perkara yang seiring dengan keinginan hawa nafsu, seperti memiliki harta yang banyak, kemewahan, kesihatan yang baik dan lain-lain, maka ketika ini kita memerlukan kepada tahap kesabaran yang tinggi. Maksudnya sabar dalam mengurus nikmat yang telah dianugerahi Allah SWT sebagai satu ujian. Tuntutan sabar ketika ini akan diterjemahkan melalui sikap kita yang terhindar daripada sifat lalai terhadap Allah SWT bahkan tidak meninggalkan kewajipannya sebagai seorang hamba Allah SWT dalam melaksanakan ibadah dan tanggungjawab lain.

25

Firman Allah SWT dalam Surah al-Munafiqun ayat 9:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أُولَدُكُمْ عَن ذِكْرِ
اللَّهِ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَسِيرُونَ ﴿٩﴾

26

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan mengerjakan perintah-Nya); dan (ingatlah) sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi."

27

Situasi kedua, iaitu apabila melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan keinginan hawa nafsu, seperti menghadapi kesempitan hidup, kemalangan, kemusnahan harta benda serta kemerosotan pada kesihatan, maka ketika ini pula kita berhajatkan kepada sifat sabar yang lebih tinggi. Ujian-ujian seperti ini boleh mencetus sikap negatif sehingga mendorongnya mengingkari perintah Allah SWT. Oleh itu, hanya dengan sifat sabar sahajalah yang akan mengembalikan fitrah untuk kembali mengingati Allah SWT.

28



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dengan sentiasa bersabar dan yakin atas ketentuan Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa sifat sabar yang dianjurkan oleh syariat akan diberi ganjaran pahala yang berlipat kali ganda.
3. Umat Islam hendaklah memahami bahawa tuntutan sabar adalah merangkumi kesabaran atas nikmat yang diperolehi, maka bersyukurlah dan sabar atas segala bala bencana yang menimpa serta reda dengan ujian daripada Allah SWT.

29

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَنَبْلُونَّكُم بِشَيْءٍ مِنَ الْخُوفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالشَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ إِذَا أَصَبْتَهُمْ مُصِيبَةً قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

30

رجعون

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman, Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata : "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

31

(Surah al-Baqarah: 155-156).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

32

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

33



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ。
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَيِّرَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ عَنَائِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ
وِقَائِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

7

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحَاجِ.

8

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

9

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُضْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

10

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada
ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas
ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-
Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan
yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan
malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan
Masjid Al Aqsa di Palestin.

11



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

13

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٦﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا

14

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ

15

فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.